

Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah?: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan
(*Why Students Are Afraid to Ask during Lectures? : A Study in University Malaysia Kelantan*)

YOHAN KURNIAWAN, THANA ABDULLAH, KHUZAITON ZAKARIA & WAN MUHAMAD WAN
ABDULLAH

ABSTRAK

Interaksi dalam bilik kuliah antara pensyarah dan pelajar merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran (PNP). Aktiviti ini dipengaruhi oleh faktor motivasi, keadaan persekitaran bilik kuliah, dorongan daripada pensyarah dan rakan-rakan kuliah. Dalam konteks ini, budaya pelajar di Asia sangat berbeza dengan budaya pelajar di barat seperti Eropah dan Amerika. Pelajar Barat lebih berani bercakap dan bertanya semasa perkuliahan dibandingkan pelajar di Asia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor pelajar berasa malu atau “takut” untuk bertanya semasa perkuliahan. Data kajian diperolehi menerusi survei ke atas seramai 270 orang pelajar dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia dengan menggunakan borang soal selidik. Soalan dalam soal selidik dibahagikan kepada DUA (2) iaitu Bahagian A tentang faktor dalaman dan bahagian B tentang faktor luaran. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS dan teknik analisis yang digunakan adalah teknik deskriptif dan korelasi. Kajian mendapati bahawa pelajar sedar akan pentingnya bertanya soalan di dalam bilik kuliah, tetapi mereka merasa malu walaupun pensyarah menggalakkan mereka untuk bertanya semasa kuliah. Mahasiswa tersebut mahu bertanya, tetapi mereka tidak tahu apa yang harus ditanyakan, dan mereka bimbang jika rakan-rakan mereka berfikir bahawa mereka cuba menunjuk-nunjuk. Kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa sedar bertanya dalam bilik kuliah akan membantu mereka lulus dengan lebih mudah. Selain menyedari bahawa mereka lebih mudah mendapat kedudukan dalam kelab atau persatuan mahasiswa di peringkat universiti. Pelajar didapati cenderung bertanya semasa berada dalam bilik kuliah apabila topik perkuliahan dirasakan sangat menarik. Mereka terdorong untuk memahami dan menguasainya. Akhirnya, kajian ini menunjukkan ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi galakan dan dorongan kepada mahasiswa untuk aktif bertanya semasa dalam perkuliahan.

Kata kunci: Perasaan malu atau takut, faktor dalaman, faktor luaran, budaya timur

ABSTRACT

Interaction in the classroom between lecturers and students is a teaching and learning process (PNP). This activity is influenced by motivational factors, environmental conditions lecture rooms, encouragement from the lecturers and college friends. In this context, the student culture in Asia is very different from students in western culture such as Europe and America. Western students more willing to talk and ask during lectures than students in Asia. This study aims to identify factors students feel embarrassed or “afraid” to ask questions during lectures. Data were collected through surveys of a total of 270 students from the Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia using questionnaires. Questions in the questionnaire is divided into two (2) of Part A of factor B of the internal and external parts. Data were analyzed using SPSS and analysis techniques used are descriptive and correlation techniques. The study found that students be aware of pentingnya ask questions in classrooms, but they feel ashamed even to encourage them to ask the lecturer during lectures. The students wanted to ask, but they do not know what to ask, and they wonder if their friends think that they try to show this nunjuk. Kajian also shows that students know to ask in the classroom will help them pass more easily. In addition to realizing that they are more easily gain a position in student clubs or associations at the university level. Students were likely to ask when they are in the classroom when the topic is very interesting lecture felt. They are motivated to understand and master it. Finally, this study found that parents play an important role in providing incentives and encouragement to students to actively ask during a lecture.

Keywords: sense of shame or fear, internal factors, external factors, eastern culture

PENDAHULUAN

Interaksi dua hala antara guru dan pelajar merupakan salah satu aktiviti yang terdapat dalam suatu proses pembelajaran, baik di peringkat formal seperti di sekolah dan kampus (mahupun di peringkat tidak formal seperti keluarga dan masyarakat). Aktiviti bertanya ini dipengaruhi oleh kebiasaan dan budaya yang terdapat dalam masyarakat. Perbezaan amalan dan budaya bertanya ini yang membentuk sikap dan karakteristik mahasiswa di barat dan mahasiswa di timur, khususnya di Malaysia. Kemahiran menanyakan soalan dan kemahiran memberi rangsangan kepada pelajar untuk menjawab soalan merupakan salah satu kemahiran yang harus dimiliki oleh pensyarah dan guru. Kemahiran ini sangat penting dalam kejayaan proses belajar mengajar yang berkesan sama ada di dalam bilik kuliah mahupun dalam bilik darjah. Apabila seorang pensyarah atau guru bertanya soalan kepada pelajar, matlamatnya bukan sahaja menguji pemahaman mereka terhadap perkara yang diajar, tetapi juga memberi kesempatan kepada pelajar dan mahasiswa untuk melatih dan membiasakan mereka dengan budaya kebebasan menyampaikan fikiran dan pendapat mereka (Winarsih, 2009).

Pada masa ini ramai pelajar dan mahasiswa yang tidak berani (malu) untuk bertanya atau menjawab pertanyaan daripada pensyarah dan guru mereka. Pengamatan yang dilakukan oleh Soufia (2003, dalam Winasih, 2009) terhadap pelajar di Sekolah Menengah Muhammadiyah 2, Surakarta mendapati bahawa kemampuan pelajar untuk menjawab pertanyaan adalah rendah.

Mereka hanya mendengar dan menyatakan apa yang telah diterangkan oleh guru-guru (Ribowo, 2006). Satu teknik menyoal yang baik dalam pengajaran bilik darjah akan memberi motivasi kepada pelajar dan meningkatkan kualiti pembelajaran mereka. Jika guru menggalakkan pelajar untuk bertanya soalan semasa pengajaran beliau, ini akan membantu dia untuk mengurangkan pembelajaran berpusatkan guru.

Pada masa ini ramai mahasiswa yang “takut” atau malu untuk bertanya semasa dalam perkuliahan. Perasaan “takut” atau malu dikalangan mahasiswa ini seharusnya tidak terjadi kerana mereka telah memasuki tahap perkembangan dewasa awal dan salah satu ciri tahap perkembangan ini adalah keinginan untuk aktualisasi diri dan kebebasan menyampaikan pandangan dan pendapatnya. Apabila perasaan malu atau “takut” tersebut pada kanak-kanak atau dikalangan remaja di sekolah menengah, hal tersebut masih wajar kerana tahap perkembangan mereka memungkinkan hal tersebut berlaku. Objektif penyelidikan ini adalah

mengetahui dan mengenalpasti punca atau faktor yang menyebabkan mahasiswa malu atau “takut” untuk bertanya dalam bilik kuliah, walaupun mereka mengetahui dan menyedari bahawa bertanya semasa perkuliahan merupakan aktiviti yang penting sebagai seorang mahasiswa.

AKTIVITI BERTANYA DALAM PERKULIAHAN DAN PERMASALAHANNYA

Perasaan malu atau takut untuk menanyakan soalan merupakan suatu keadaan yang umum terjadi dikalangan mahasiswa. Keadaan ini terbentuk oleh suatu proses yang lama dalam kehidupan seorang mahasiswa. Ianya telah menjadi tabiat dan terbentuk lama sejak usia kanak-kanak, serta kekal dalam minda mereka sehingga dewasa. Hal ini konsisten dengan teori Skinner (dalam Santrock 2008) yang mengatakan tentang perangsang (positif atau negatif) yang dapat membawa kepada pembentukan perilaku seseorang. Sebuah pemikiran atau pengalaman negatif tentang aktiviti bertanya dapat memberi penegasan yang bersifat negatif.

Menurut Morgan & Saxton (2006) punca mahasiswa dan pelajar malu atau takut untuk bertanya kepada pensyarah atau guru semasa dalam bilik kuliah atau bilik darjah adalah suatu perasaan tertekan dalam diri mereka apabila mereka sering direndahkan, diabaikan dan dianggap bodoh ketika bertanya. Tekanan peribadi juga timbul dikalangan mahasiswa dan pelajar apabila pensyarah atau guru marah atau mengabaikan soalan yang mereka tanyakan, akibatnya pelajar merasa tidak dihargai dan akhirnya mereka hilang keyakinan diri untuk bertanya.

Pelajar juga jarang bertanya semasa perkuliahan atau dalam bilik darjah apabila pensyarah atau guru tidak atau jarang memberi peluang kepada mereka untuk bertanya. Pensyarah atau guru merasakan bahawa dirinya sebagai orang yang memiliki kuasa dan mempunyai kawalan penuh ke atas bilik darjah atau bilik kuliah. Oleh kerana itu, pensyarah atau guru merasakan bahawa dia tidak perlu diganggu oleh soalan pelajar, dan guru juga merasakan kalau mereka lebih menonjol berbanding mahasiswa atau pelajar mereka, jadi mereka sentiasa bercakap dalam kelas atau bilik kuliah, dan tidak memberikan peluang kepada mahasiswa atau pelajar untuk bertanya soalan.

Mahasiswa dan pelajar akan menjadi pasif atau jarang bertanya di dalam kelas apabila kampus dan sekolah menggunakan cara lama yang mana guru lebih aktif dibandingkan, manakala mahasiswa atau pelajar lebih pasif. Winasih (2009) juga mengatakan bahawa pelajar kurang berani memberikan idea-idea mereka dan

kurang mengambil berat terhadap aktiviti pembelajaran di dalam bilik kelas atau bilik kuliah, kerana kaedah pengajaran dan media yang digunakan oleh pensyarah atau guru dianggap sangat membosankan.

Mengikut Ribowo (2006), kepentingan menggunakan kemahiran bertanya yang sesuai untuk mencapai matlamat yang hendak dicapai daripada proses pengajaran dan pembelajaran di perkuliahan atau dalam bilik kelas. Kemahiran bertanya ini mampu menjana minat dan rasa ingin tahu mahasiswa atau pelajar terhadap kursus yang diikuti, dapat menumpukan perhatian kepada kursus atau konsep yang dipelajari, menganalisis permasalahan yang menghalangi proses pembelajaran, memberi peluang kepada mahasiswa dan pelajar untuk mengkritik maklumat dan penjelasan daripada pensyarah dan guru mereka. menggalakkan mahasiswa atau pelajar untuk menyatakan pendapat mereka terhadap proses serta hasil pembelajaran dan penilaian terhadap hasil peperiksaan.


Perlunya meminta mahasiswa atau pelajar untuk bertanya semasa perkuliahan atau ketika di dalam kelas adalah untuk menggalakkan interaksi atau hubungan di antara mahasiswa atau pelajar. Mahasiswa atau pelajar juga akan lebih aktif terlibat dan lebih bertanggungjawab serta menumpukan perhatian kepada soalan yang dikemukakan. Dengan cara ini, ia akan membawa kepada penciptaan sistem pembelajaran, di mana pelajar aktif di dalam kelas manakala guru hanya akan bertindak sebagai pemudah cara.

Pythagoras, seorang guru falsafah Yunani purba (dalam Sentanu, 2007) mengatakan bahawa kualiti hidup seseorang dapat diketahui daripada kualiti pertanyaan yang diajukan, soalan yang lebih progresif menunjukkan orang yang lebih berjaya dalam hidupnya. Jika seorang mahasiswa atau pelajar takut atau malu untuk bertanya dalam perkuliahan atau dalam bilik kelas maka kualiti hidup mereka tergolong rendah.

TEORI MOTIVASI

Teori Maslow terdiri daripada dua bahagian iaitu:

- (1) Klasifikasi keperluan manusia.
- (2) Mempertimbangkan hubungan antara tahap keperluan.



RAJAH 1. Hirarki keperluan Maslow

Hirarki pada tahap keperluan Maslow bermula dengan memenuhi keperluan asas (seperti makanan, tempat tinggal). Apabila keperluan fisiologi ini dipenuhi, manusia tidak lagi termotivasi dan mereka akan bergerak ke tahap keperluan yang seterusnya.

Tahap keperluan peringkat kedua adalah Keperluan keselamatan. Keperluan keselamatan ini termasuk keselamatan fizikal, contohnya, pakaian pelindung serta perlindungan terhadap kesejahteraan hidup seperti pengangguran, kehilangan pendapatan melalui penyakit dan lain-lain.

Tahap keperluan sosial ini termasuk keperluan untuk kasih sayang dan kepemilikan, contohnya bekerja dengan rakan-rakan yang menyokong anda di tempat kerja, kerja berpasukan, komunikasi.

Tahap keperluan harga diri yang diberikan pengiktirafan bagi kerja yang dilakukan dengan baik. Tahap keperluan ini mencerminkan hakikat bahawa ramai orang mencari hakikat diri dan menghormati orang lain. Promosi di tempat kerja merupakan salah satu contoh pencapaian keperluan ini.

Tahap keperluan aktualisasi diri adalah tentang bagaimana orang berfikir dan memandang serta menilai diri mereka. Tahap ini selalunya diukur dengan tahap kejayaan dan atau cabaran di tempat kerja.

Tahap keperluan aktualisasi diri adalah tahap kemuncak dalam teori motivasi Maslow. Ia adalah mengenai usaha mencapai sepenuhnya potensi seseorang sebagai orang. Berbeza dengan keperluan tahap yang lebih rendah, keperluan ini tidak pernah berpuas hati sepenuhnya; sebagai salah satu tumbuh psikologi, sentiasa ada peluang baru untuk terus berkembang. Menurut Maslow, hanya peratusan kecil penduduk mencapai tahap aktualisasi diri.

Daripada Rajah 1 di atas menunjukkan perbezaan tahap keperluan berdasarkan Teori Maslow dengan kenyataan saat ini. Terdapat perbezaan antara “apa yang kita perlukan” (Teori Keperluan Maslow) dan “apa yang kita inginkan” (Keperluan manusia saat ini). Tahap keperluan aktualisasi diri dalam Teori Keperluan Maslow menduduki peringkat terakhir dengan peratusan terkecil, akan tetapi dalam hirarki keperluan semasa, tahap aktualisasi diri menduduki

peringkat pertama dengan tahap peratusan terbesar. Demikian juga dengan tahap keperluan fizikal yang menduduki peringkat pertama dengan peratusan terbesar dalam Teori Keperluan Maslow, akan tetapi dalam hirarki keperluan semasa, tahap keperluan fizikal ini menduduki peringkat terakhir dengan peratusan terkecil.

Permasalahan mahasiswa malu atau “takut” bertanya dalam perkuliahan dapat dijelaskan menggunakan Teori Keperluan Maslow serta hirarki keperluan semasa di atas. Keperluan untuk bertanya dalam perkuliahan dapat dihubungkan dengan banyak hal seperti kejayaan pendidikan, kejayaan dalam kerjaya, penghargaan diri dan kehormatan. Setiap mahasiswa mempunyai dan berada dalam tahap keperluan yang berbeza-beza, oleh kerana itu sikap dan cara mereka bertindak juga berbeza-beza bergantung kepada tahap keperluan yang hendak dicukupi.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), kampus kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Responden kajian adalah mahasiswa tahun DUA (2) daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan yang mengambil kursus Etika Profesional dan Pemikiran Kreatif. Seramai 270 pelajar terlibat kajian ini.

Kajian yang dijalankan adalah kajian survei dan data yang diperolehi adalah data kuantitatif. Data dalam kajian ini diperolehi dengan menggunakan sebuah borang selidik yang mengungkap alasan mengapa pelajar malu atau “takut” bertanya semasa perkuliahan. Borang selidik tersebut terdiri daripada 2 bahagian iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Setiap faktor mengkaji 3 bahagian iaitu kognitif, sikap, dan pengaruh persekitaran. Jumlah soalan untuk bahagian faktor dalaman adalah sebanyak 22 soalan, dan untuk bahagian faktor luaran adalah sebanyak 19 soalan.

Tahap kebolehppercayaan borang selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah .8385.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis data menunjukkan hasil sebagai berikut:

JADUAL 1. Kognitif dalaman

No	Soalan	Skala			
		1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju
A.	Kognitif Dalaman				
1	Saya sudah memahami apa yang pensyarah jelaskan, dan saya tidak perlu bertanya	9.6%	9.6%	34.8%	2.6%
2	Rakan-rakan saya akan memandang saya sebagai orang yang pelik kalau sering bertanya semasa dalam kelas	22.2%	53.3%	17.8%	6.7%
3	Saya tidak ingin dikatakan hendak menunjuk pandai oleh rakan-rakan kuliah	10.0%	23.7%	46.3%	20.0%
4	Saya tahu bertanya dalam kelas adalah penting, akan tetapi saya malu / takut melakukannya	11.1%	42.2%	39.3%	7.4%
5	Fikiran saya akan lebih berkembang kalau sering bertanya dalam kelas	2.2%	3.7%	55.2%	38.9%
6	Bertanya dalam kelas, hanya menyebabkan masa perkuliahan menjadi lebih lama	28.9%	50.0%	18.9%	2.2%
7	Saya memiliki pengalaman pahit ketika bertanya dalam kelas pada masa lalu	39.6%	47.0%	10.7%	2.6%
8	Sering bertanya dalam kelas, tidak akan membuat saya menjadi lebih pandai	51.5%	37.0%	8.1%	3.3%
9	Bertanya semasa perkuliahan, hanya membuang masa sahaja	48.9%	47.0%	2.2%	1.9%
10	Saya akan dinilai bodoh oleh rakan-rakan kalau saya sering bertanya dalam kelas	51.9%	40.4%	4.4%	3.3%
11	Saya ingin bertanya tetapi saya tidak tahu apa yang akan saya tanyakan	8.1%	40.7%	41.1%	10.0%
12	Saya takut pensyarah marah kalau saya sering bertanya	32.6%	50.0%	13.7%	3.7%
13	Saya mengamalkan ajaran “malu bertanya sesat di jalan	8.1%	18.9%	56.3%	16.7%
14	Saya takut ada kawan yang cemburu apabila saya sering bertanya semasa dalam kelas	33.7%	53.3%	11.9%	1.1%
15	Saya bimbang tata bahasa (untuk bahasa Inggris) yang digunakan semasa bertanya tidak betul, sehingga saya segan / malu untuk bertanya	15.2%	35.6%	38.9%	10.4%
16	Terlalu banyak bertanya dalam perkuliahan adalah perbuatan yang tidak sopan	43.3%	45.2%	7.8%	3.7%
17	Saya takut rakan-rakan dan pensyarah menilai saya menanyakan pertanyaan bodoh	28.5%	46.7%	21.9%	3.0%

Jadual 1 di atas menunjukkan hasil responden tidak bertanya semasa kuliah kerana mereka merasa telah memahami apa yang pensyarah jelaskan (34.8 peratus), mereka ingin bertanya tetapi tidak mengetahui apa yang akan ditanyakan (41 peratus), mereka takut dipandang hendak menunjuk pandai oleh rakan-rakannya (46.3 peratus). Seramai 38.9 peratus responden mengatakan mereka segan atau malu untuk bertanya kerana mereka bimbang tata bahasa (untuk bahasa Inggris) yang digunakan semasa bertanya tidak betul. Responden menyedari dan tahu pentingnya bertanya semasa kuliah (42.2 peratus), walaupun begitu terdapat 39 peratus responden yang masih merasa malu atau takut untuk bertanya.

Seramai 53.3 peratus responden tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan rakan-rakan kuliah mereka akan memandang pelik apabila mereka banyak bertanya semasa kuliah, dan seramai 53.3 peratus tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka takut ada rakan yang cemburu apabila mereka sering bertanya semasa kuliah. Seramai 55.2 peratus responden mengatakan fikiran mereka

akan lebih berkembang apabila mereka sering bertanya semasa kuliah. Seramai 50 peratus responden juga tidak bersetuju kalau bertanya semasa kuliah hanya menyebabkan masa kuliah menjadi lebih lama, dan seramai 48.9 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan bertanya semasa kuliah hanya membuang masa sahaja. Selain itu seramai 45.2 peratus tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan banyak bertanya semasa kuliah adalah perbuatan yang tidak sopan.

Perilaku malu atau takut bertanya semasa kuliah tidak dipengaruhi oleh pengalaman pahit masa lalu, hal ini disetujui oleh seramai 47 peratus responden. Seramai 51.5 peratus responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka tidak akan menjadi lebih pandai, hanya kerana bertanya semasa kuliah. Responden juga mengamalkan ajaran “malu bertanya sesat di jalan” (51.5 peratus). Seramai 46.7 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka takut untuk bertanya kerana rakan-rakan kuliah dan pensyarah menilainya menanyakan pertanyaan bodoh.

JADUAL 2. Kognitif luaran

No	Soalan	Skala			
		1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju
B. Kognitif Luaran					
1	Saya akan lebih dihargai dan dihormati rakan-rakan & pensyarah kalau sering bertanya	4.4%	31.9%	57.4%	6.3%
2	Kalau saya sering bertanya, saya akan lebih mudah lulus subjek berkenaan	3.0%	26.7%	55.9%	14.4%
3	Saya menjadi terkenal kalau sering bertanya dalam kelas	20.7%	51.1%	23.7%	4.4%
4	Saya lebih mudah mendapat jawatan dalam sesuatu pertubuhan di kampus kalau saya aktif bertanya dalam kelas	12.2%	37.0%	42.2%	8.5%
5	Pensyarah saya garang, jadi saya takut untuk bertanya	31.9%	49.3%	15.6%	3.3%

Jadual 2 di atas menunjukkan hasil sebagai berikut seramai 57.4 peratus pelajar bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka akan lebih dihargai dan dihormati rakan-rakan dan pensyarahnya kalau sering bertanya semasa kuliah, akibatnya mereka akan lebih mudah lulus subjek berkenaan (55.9 peratus), dan lebih mudah mendapat jawatan dalam sesuatu pertubuhan di

kampus (42.2 peratus). Walaupun begitu, seramai 51.1 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka akan menjadi terkenal kalau sering bertanya semasa kuliah. Seramai 49.3 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka takut untuk bertanya kerana pensyarah yang garang.

JADUAL 3. Sikap dalaman

No	Soalan	Skala			
		1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju
C.	Sikap Dalaman				
1	Saya adalah pemalu	8.5%	26.7%	63.3%	1.5%
2	Saya merasa takut untuk bertanya semasa dalam kelas	12.6%	47.4%	36.7%	3.3%
3	Saya sebenarnya sangat ingin bertanya semasa dalam kelas, akan tetapi saya merasa segan	17.4%	55.2%	24.4%	3.0%
4	Saya malas untuk bertanya semasa dalam kelas	18.1%	54.4%	24.8%	2.6%
5	Saya merasa segan semasa berhadapan dengan pensyarah di dalam kelas	11.5%	40.4%	41.1%	7.0%

Jadual 3 menunjukkan sebahagian besar responden mengatakan dirinya pemalu (63 peratus), walaupun begitu sikap ini bukan menjadi penghalang mereka untuk takut bertanya semasa kuliah (47.4 peratus). Seramai 55.2 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan tentang malu atau takut untuk bertanya semasa kuliah kerana segan, dan seramai 54.4 peratus

responden tidak bersetuju dengan pernyataan mereka tidak bertanya semasa kuliah kerana malas. Seramai 41.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan mereka malu atau takut untuk bertanya semasa kuliah kerana merasa segan semasa berhadapan dengan pensyarah, akan tetapi seramai 40.4 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

JADUAL 4. Sikap luaran

No	Soalan	Skala			
		1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju
D.	Sikap Luaran				
1	Rakan-rakan saya suka mengacau dan mentertawakan ketika saya bertanya	23.0%	61.1%	14.1%	1.9%
2	Saya bertanya supaya menjadi popular seperti rekan saya yang banyak bertanya	34.4%	56.3%	7.8%	1.5%
3	Walaupun saya sering bertanya, saya tidak akan mendapat sebarang keuntungan (misalnya: tambahan markah, mendapat perhatian lebih daripada pensyarah, dan sebagainya), jadi saya tidak perlu bertanya	28.1%	57.4%	12.6%	1.9%

Jadual 4 di atas mendapati hasil kajian sebagai berikut seramai 56.3 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka bertanya semasa kuliah untuk menjadi popular, dan seramai 57.4 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan walaupun mereka sering bertanya, mereka

tidak mendapat sebarang keuntungan seperti tambahan markah, mendapat perhatian daripada pensyarah dan sebagainya. Seramai 61.1 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka malu atau takut bertanya kerana rakan-rakannya akan mengacau dan mentertawakan ketika mereka bertanya.

JADUAL 5. Persekitaran

No	Soalan	Skala			
		1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju
E.	Persekitaran				
1	Suasana semasa perkuliahan tidak memberi galakan kepada saya untuk bertanya	11.5%	49.6%	34.4%	4.4%
2	Pensyarah tidak memberi peluang kepada saya untuk bertanya	40.4%	55.2%	3.0%	1.5%
3	Rakan-rakan saya jarang bertanya semasa perkuliahan, dan saya pun mengambil sikap yang sama	10.7%	46.7%	37.8%	4.8%
4	Pensyarah memberi dorongan agar saya bertanya semasa perkuliahan	.7%	10.7%	68.9%	19.6%
5	Rakan-rakan atau orang lain mempengaruhi saya untuk tidak bertanya semasa dalam kelas	23.0%	52.2%	21.1%	3.7%
6	Ibubapa saya mengajarkan dan mengamalkan kebebasan bertanya	2.2%	10.0%	66.3%	21.5%
7	Saya bertanya kerana pensyarah akan memberi markah tambahan untuk saya	17.8%	58.5%	21.5%	2.2%
8	Saya telah diajar untuk tidak mempertanyakan atau mempertikaikan suatu perkara	28.9%	53.0%	15.2%	3.0%
9	Topik perkuliahan sangat menarik sehingga mendorong saya bertanya untuk lebih memahami	1.9%	18.1%	62.2%	17.8%
10	Pensyarah saya tidak peduli sama ada saya bertanya atau tidak	26.7%	51.9%	18.5%	3.0%
11	Ibubapa saya memberi galakan untuk sentiasa aktif bertanya dalam kelas	2.2%	10.0%	55.6%	32.2%

Jadual 5 menunjukkan hasil sebagai berikut seramai 49.6 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan suasana kuliah tidak memberi galakan kepada mereka untuk bertanya. Seramai 55.2 peratus responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan pensyarah tidak memberi peluang kepada mereka untuk bertanya. Pendapat ini disokong seramai 68.9 peratus responden mengatakan pensyarah memberi dorongan agar mereka bertanya semasa kuliah. Seramai 46.7 responden tidak bersetuju dengan pernyataan rakan-rakan kuliah jarang bertanya semasa kuliah, akibatnya mereka juga malas bertanya. Seramai 52.2 peratus responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan rakan-rakan mempengaruhi mereka untuk tidak bertanya semasa kuliah.

Seramai 66.3 peratus responden bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan ibubapa mereka

mengajarkan dan mengamalkan kebebasan bertanya semasa di rumah, dan seramai 55.6 peratus responden mengatakan ibubapa memberi galakan untuk sentiasa aktif bertanya semasa kuliah. Seramai 53 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka telah diajar untuk tidak mempertanyakan atau mempertikaikan suatu perkara.

Seramai 58.5 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka bertanya kerana pensyarah akan memberi markah tambahan apabila bertanya semasa kuliah, dan seramai 51.9 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan pensyarah tidak peduli sama ada mereka bertanya atau tidak semasa kuliah. Akhirnya, seramai 62.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan yang mengatakan mereka bertanya kerana topik perkuliahan yang menarik.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa malu atau “takut” untuk bertanya kerana mereka mengakui dirinya pemalu. Sifat pemalu ini terbentuk kerana kebiasaan yang ditanamkan sejak kecil dan terbawa sehingga dewasa. Kebiasaan yang dimaksud berhubungan dengan budaya masyarakat timur seperti malu atau takut mengungkapkan perasaannya kerana ditakuti menyinggung atau menyakiti orang lain, memendam perasaan tidak puas hati, takut atau tunduk kepada pihak berkuasa contohnya guru atau pensyarah, dan sebagainya. Walaupun pada kenyataannya, pensyarah telah memberi kebebasan dan dorongan kepada mahasiswa untuk bertanya semasa kuliah, tetapi mahasiswa sendiri tidak bertindak balas positif kerana berperasaan takut kepada pensyarahnya.

Sebenarnya mahasiswa menyedari bahawa pengetahuan dan fikiran mereka akan lebih berkembang kalau mereka sering bertanya semasa perkuliahan, dan menguasai kursus berkenaan, dan lebih mudah lulus. Mereka juga mengetahui bahawa “malu bertanya dapat sesat di jalan” yang bererti mereka salah memahami ilmu yang diajarkan atau mereka tidak lulus kursus kerana tidak bertanya untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan ilmu.

Mahasiswa tersebut sebenarnya ingin bertanya akan tetapi mereka tidak mengetahui apa yang akan ditanyakan. Mereka juga merasa telah memahami penjelasan yang diberikan oleh pensyarah. Hal ini berhubungan dengan pengetahuan dan pemahaman mereka serta minat terhadap suatu kursus. Minat terhadap suatu kursus berhubungan dengan pandangan dan penilaian pentingnya kursus berkenaan dengan masa hadapannya, atau hanya sekadar untuk lulus kursus berkenaan. Sehubungan dengan minat ini, hasil kajian membuktikan bahawa mahasiswa akan aktif untuk bertanya dan berusaha memahami serta menguasai suatu kursus apabila mereka berminat atau sangat berminat dengan kursus tersebut.

Alasan lain mahasiswa malu untuk bertanya semasa perkuliahan adalah mereka tidak ingin dinilai sebagai menunjuk pandai kepada rakan-rakan mereka kerana sering bertanya semasa perkuliahan. Selain itu, mahasiswa juga merasa segan untuk bertanya semasa perkuliahan kepada pensyarah mereka. Hal ini berhubungan dengan budaya dan kebiasaan yang ditanamkan sejak mereka memasuki dunia pendidikan. Kebiasaan ini harus diamalkan di sekolah dan dalam keluarga.

Sehubungan dengan sikap rakan-rakan mereka, mahasiswa sebenarnya mengetahui bahawa rakan-rakan kuliah mereka tidak memandang mahasiswa

yang aktif bertanya semasa perkuliahan sebagai orang yang mencari populariti. Mereka juga mengetahui kalau rakan-rakan mereka tidak cemburu dan menilainya sebagai mahasiswa yang bodoh kerana perilaku aktif bertanya soalan. Bahkan sebaliknya, perilaku aktif bertanya semasa kuliah akan menyebabkan mahasiswa tersebut lebih dihargai dan dihormati oleh rakan-rakan dan pensyarahnya. Mereka akan lebih mudah mendapat pencalonan ke jawatan atau kedudukan dalam suatu pertubuhan mahasiswa di kampus.

Mahasiswa juga malu untuk bertanya semasa perkuliahan kerana perasaan bimbang dan takut salah dalam tata bahasa yang digunakan semasa bertanya, khususnya dalam kuliah yang menggunakan medium bahasa asing seperti Bahasa Inggeris. Hal ini berhubungan rapat dengan keyakinan diri dan penguasaan Bahasa Inggeris.

Selain peranan pensyarah dan pengaruh rakan-rakan kuliah, peranan keluarga juga memainkan peranan penting terhadap budaya bertanya mahasiswa semasa kuliah. Dorongan serta galakan ibubapa dan didikan yang diperoleh mahasiswa dalam keluarga merupakan faktor pembentuk sikap mereka yang terjelma semasa kuliah. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibubapa memberi dorongan kepada mereka untuk aktif bertanya semasa kuliah, sebaliknya mahasiswa yang tidak aktif bertanya semasa kuliah adalah disebabkan oleh sikap membatasi diri yang mereka lakukan berdasarkan fikiran dan persepsi mereka sendiri yang negatif.

KESIMPULAN

Mahasiswa kurang aktif bertanya dalam kuliah disebabkan perasaan malu dan tidak tahu apa yang akan ditanyakan, walaupun mereka menyedari pentingnya dan faedah yang akan diperoleh apabila aktif bertanya semasa perkuliahan. Tidak dinafikan juga terdapat perasaan segan di kalangan mahasiswa terhadap pensyarah. Pensyarah dan keluarga (ibubapa) memberi sokongan dan dorongan kepada mahasiswa untuk aktif bertanya dalam perkuliahan.

RUJUKAN

- Morgan, N., & Saxton, J. (2006). *Asking Better Questions* (2nd ed.). Canada: Pembroke Publishers Limited
- Ribowo, B. (2006). *Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Siswa Kelas IIA SMP Negeri 2 Banjarharjo Brebes dalam Pokok Bahasan Segiempat Melalui Model Pembelajaran Tutor Sebaya Dalam Kelompok*

kecil. Skripsi. Semarang: Universitas Negeri Semarang <http://digilib.unnes.ac.id/gsd/collect/skripsi/archives/HASH01b9/55f8dc7e.dir/doc.pdf>
20.06.2010_13.35

Santrock, J.W. (2008). *Adolescence: Perkembangan Remaja* (edisi ke-12, Penerjemah: Adelar, S.B., & Saragih, S.). Jakarta: Erlangga

Sentanu, E. (2007). *Quantum Ikhlas: Teknologi Aktivasi Kekuatan Hati*. Jakarta: Elex Media Komputindo

Winasih, Y. (2009). *Peningkatan Respon Siswa pada Pembelajaran IPS Melalui Pendekatan Keterampilan Proses (PTK Pembelajaran IPS di SMP Muhammadiyah 2 Surakarta Kelas VIII B Tahun Ajaran 2008/2009)*. Skripsi. Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta <http://www.docstoc.com/docs/22028831/1-Peningkatan-Respon-Siswa-Pada-Pembelajaran-Ips-Melalui> 05.07.2010_19.15.

Yohan Kurniawan (Dr.)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: yohan@umk.edu.my

Thana Abdullah (Cik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: thana@umk.edu.my

Khuzaiton Zakaria (Cik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: khuzaiton@umk.edu.my

Wan Mohamad Wan Abdullah (Encik)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: wanmohamad@umk.edu.my